

Beberapa agensi bantu pembiayaan PKS

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BERAKAS, Selasa, 9 April. - Beberapa agensi di negara ini berusaha membantu para Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) atau Small and Medium Enterprise - SME untuk mengembangluaskan lagi perusahaan mereka.

Antara bantuan yang diberikan adalah berbentuk pembiayaan bagi memudahkan para PKS yang kekurangan dana untuk mengendalikan perusahaan mereka dengan lebih berkesan.

Oleh itu, bagi menyebarkan pengetahuan dan maklumat kepada orang ramai akan agensi-agensi yang berkeupayaan membantu dalam pembangunan PKS di negara ini, satu Sesi Forum dan Dialog bertajuk 'Dana PKS' diadakan, berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya mendengarkan Sesi Forum dan Dialog ialah Setiausaha Tetap (Industri), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Perindustrian), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga dan Kuasa Elektrik), Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra; dan Pengerusi LiveWIRE Brunei, selaku

In-Country Value Manager BSP, Dayang Hajah Rosita binti Haji Hassan juga pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi berkaitan.

Antara agensi yang terlibat sebagai ahli-ahli panel bagi Sesi Forum dan Dialog tersebut adalah wakil dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Darussalam Enterprise (DARE); Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd.; Bank Islam Brunei Darussalam; dan Bank Usahawan.

Sementara itu, dalam temu bual bersama media, Pengurus Kanan Perbankan Korporat BIBD, Pengiran Sanusi Iskandar bin Pengiran Haji Ismail menjelaskan

semasa Sesi Forum dan Dialog tersebut, pihak BIBD akan membarigakan mengenai pembiayaan mikro yang merupakan kolaborasi di antara BIBD dengan DARE untuk syarikat-syarikat permulaan.

"Pembiayaan ini memang sesuai untuk syarikat-syarikat *start-up* memandangkan ia tidak dikenakan apa pun jaminan, dan perniagaan itu sendiri adalah sebagai jaminan bagi pembiayaan berkenaan. Caj yang dikenakan adalah yang paling rendah, iaitu empat peratus setahun dengan tempoh pembayaran tiga tahun," jelas beliau.

Di samping itu tambahnya, BIBD juga membarigakan skim di bawah BIBD SME Financing khas buat syarikat-syarikat yang sudah wujud bertapak dan ingin untuk mengembangkan juga



SETIAUSAHA Tetap (Industri), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan hadir selaku tetamu kehormat seterusnya mendengarkan Sesi Forum dan Dialog bertajuk 'Dana PKS'.

mempelbagaikan lagi perniagaan mereka, selain mengetengahkan inisiatif BIBD Seed bagi memperkasakan ibu-ibu tunggal di negara ini dengan menanamkan jiwa keusahawanan dalam diri

mereka. Sesi Forum dan Dialog sehari itu dianjurkan oleh LiveWIRE Brunei dan merupakan salah satu daripada 16 program yang sedang di jalankan oleh LiveWIRE Brunei.



AHLI-AHLI panel bagi Sesi Forum dan Dialog tersebut adalah wakil dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Darussalam Enterprise (DARE); Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd.; Bank Islam Brunei Darussalam; dan Bank Usahawan.

UNISSA terima pengiktirafan antarabangsa



DEKAN Fakulti Bahasa Arab UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad (dua, kiri) hadir bagi menandatangani MoU bersama Universiti Mohammed V, Maghribi.

MAGHRIBI, Isnin, 8 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) memperoleh dua pengiktirafan ketika mengadakan kunjungan ilmiah ke Rabat, Maghribi pada 4 hingga 6 April 2019.

Kunjungan tersebut bertujuan untuk membangun kerjasama, meluaskan jaringan dan mengukuhkan jalinan strategik dengan pihak yang berkepentingan dalam arena akademik.

Di samping itu, turut sama dalam arus perdana mengembang-kan pengajaran Bahasa Arab di arena antarabangsa.

Rombongan yang terdiri daripada Dekan Fakulti Bahasa Arab, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad dan Dekan Usuluddin, Dr. Lilly Suzana binti

Haji Shamsu sangat berbesar hati apabila Presiden Universiti Mohammed V, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Mohammed Rhachi bersetuju untuk menerima kunjungan sekali gus menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan UNISSA.

Penandatanganan tersebut melambangkan satu pengiktirafan institusi berprestij dunia terhadap kredibiliti UNISSA.

Tuan Yang Terutama menyatakan kegembiraan dan kesediaan Universiti Mohammed V untuk memberikan kerjasama erat dalam pelbagai bidang khususnya dalam pengajian Islam dan pembelajaran Bahasa Arab.

UNISSA melalui Fakulti Bahasa Arab telah menghantar dua

pelajarnya yang cemerlang untuk mengikuti Program Pengajian Setahun di Luar Negara (Study Abroad Programme) bagi sesi pengajian 2018 / 2019.

Selain program pergerakan pelajar, TYT Presiden juga menyuarakan aktiviti-aktiviti lain yang boleh diungkuhkan seperti pertukaran pelajar, penyelidikan, dan sebagainya.

DEKAN Fakulti Bahasa Arab UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara bersama Presiden Universiti Mohammed V, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Mohammed Rhachi setelah selesai penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA dan Universiti Mohammed V.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Seterusnya perkara yang sama turut dibincangkan dengan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Kemanusiaan, Profesor Dr. Jamaluddin el-Hani dalam sesi yang berasingan.

Hadir sama dalam penandatanganan MoU dan perbincangan dua hala tersebut ialah Kuasausaha Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Maghribi, Awangku Haji Shahrin bin Pengiran Haji Bakar.

Pengiktirafan kedua terhadap profesionalisme UNISSA di Kota Rabat diterima dalam Mesyuarat Pertama bagi Perhimpunan Agung dan Lembaga Eksekutif Liga Institusi Pengajaran Bahasa Arab bagi Bukan Penuturnya, iaitu apabila mesyuarat mengumumkan pelantikan Profesor Madya Dr. Siti

Sara binti Haji Ahmad sebagai Timbalan Pengerusi bagi badan antarabangsa ini yang bernaung di bawah ISESCO.

Pelantikan berkenaan adalah bagi tempoh tiga tahun dan merupakan suatu pencapaian bertaraf global bagi UNISSA di mana kepercayaan besar dari 32 buah negara ahli dari serata institusi dunia disandarkan kepada UNISSA.

Ini juga bermakna UNISSA melangkah setapak lagi ke hadapan dalam menandai hasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir yang mendukung prinsip Melayu Islam Beraja. Mesyuarat tersebut diadakan di bangunan rasmi ISESCO yang terletak di Rabat, Maghribi.

